

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (DARI PERAK)

TARIKH: 15 DISEMBER 2017

MUKA SURAT: 35

Samasuvam bersara selepas 39 tahun dalam JBPM



Samasuvam menyerahkan tugasnya kepada Zulkifli (kanan) pada Majlis Serah Terima Tugas yang disaksikan oleh Yahaya (tengah) di Balai Bomba dan Penyelamat Ipoh, semalam.

IPOH - Selama 39 tahun berkhidmat dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Ipoh, Timbalan Penguasa Bomba P Samasuvam mula bersara wajib, semalam.

Majlis persaraan beliau dihadiri Pengarah JBPM Negeri, Datuk Yahaya Madis berlangsung meriah dengan dihadiri lebih 100

anggota dan pegawai kanan JBPM Negeri di padang kawad Balai Bomba Ipoh di sini.

Beliau turut diberi penghormatan apabila diarak dengan kereta rasmi jabatan dengan tugasnya dipangku sementara oleh Zulkifli Mohamad menerusi suatu Majlis Serah Terima Tugas.

Mula berkhidmat dengan JBPM pada 1 September 1978 se-

bagai ahli bomba, beliau yang berasal dari Batu Gajah di sini, sering kali ditugaskan di bahagian operasi memadam kebakaran dan menyelamatkan mangsa di dalam dan luar negara.

Beliau pernah berkhidmat di Kuala Lumpur selama 11 tahun dan menyertai Op Jerebu di Riau, Sumatera, Indonesia pada tahun 2005 sebelum berkhidmat di Balai



Samasuvam melakukan 'punch card' terakhirnya tepat jam 5 petang sambil diperhatikan oleh Yahaya.

Bomba Ipoh pada 4 April 2011 sehingga kini.

Samasuvam dikenali sebagai seorang pegawai yang tegas dalam melaksanakan tugasnya sebagai ketua balai namun, menjadi aspirasi kepadanya untuk memberikan terbaik dalam setiap tugas.

"Sepanjang berkhidmat di balai ini, walaupun jarang saya memberikan kata pujian tetapi saya

berbangga mengenai perjalanan operasi yang banyak mengalami perubahan ke arah profesional, berani dan cekap.

"Bagaimanapun, setiap operasi memerlukan penilaian semula untuk peningkatan ilmu dan kemahiran serta mengamalkan sifar kesilapan dengan menegur kesilapan kecil sekalipun," nasihatnya ketika berucap.